

Pelepasan cukai galak sambung pengajian

Kuala Lumpur: Biarpun banyak inisiatif yang diberikan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan dalam pembentangan Bajet 2016 kelmarin, ia hala tuju kerajaan yang memperseimbangkan dua dimensi ekonomi berdasarkan modal dan rakyat.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata, dalam mengurangkan kos sara hidup, kerajaan sudah menambah baik pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) apabila mengecualikan beberapa barang termasuk makanan dan pelbagai jenis ubat daripada cukai berkenaan.

Menyifatkan Bajet 2016 se-

bagai bajet inklusif yang mahu memaju pembangunan negara dan pada masa yang sama turut menitik beratkan kesejahteraan rakyat, beliau berkata, had maksimum pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi pembayar cukai individu, yang dinaikkan kepada RM7,000 daripada RM5,000 setahun pula dapat menggalakkan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Ini selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang 2020, yang pastinya memerlukan ramai golongan berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

“Selain itu, penumpuan kepada kelompok M40, iaitu isi rumah yang berpendapa-

tan antara RM3,860 hingga RM8,320 dengan had pelepasan cukai terhadap mereka dan anak mereka dinaikkan, pasti meringankan beban tanggungan mereka,” kataanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Prof Datuk Dr Zakaria Kasa berpendapat, pembentangan Bajet 2016 khususnya dalam mempersiaga modal insan sebanyak 41.3 bilion diperuntukkan apabila tumpuan lebih diberikan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu untuk pendidikan peringkat persekolahan kecuali PTVET yang juga membabitkan politeknik, kolej komuniti dan UA yang terbabit dengan PTVET.

“Dalam pelan berkenaan lebih tertumpu kepada sekolah dengan 11 anjakan diutarakan. Bagaimanapun kita masih tidak nampak lagi agihan bajet secara terperinci dibuat kepada pendidikan tinggi, berikutan perpisahan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia,” katanya.

Dr Zakaria berkata, Bajet 2016 juga memberi tumpuan kepada pembangunan bakat di bawah Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta pembangunan fizikal membabitkan pembinaan sekolah baru di seluruh Malaysia yang secara tidak langsung memberi peluang kepada UPSI dalam melatih dan memasarakan graduan ke seluruh Malaysia.



DR Mad Nasir